

**PELAPORAN BULANAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

PELAPORAN BULAN : MARCH 2024

PELAPORAN KEMALANGAN:

No.	JENIS KEMALANGAN	BILANGAN
1	KEMALANGAN MELIBATKAN MANGSA	1
2	KEMALANGAN NYARIS (NEAR MISS)	0
3	KEROSAKAN HARTA BENDA	2
4	KERACUNAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN	0

PUNCA KEMALANGAN (JIKA ADA):

Pada 5 March 2024, terdapat kejadian kerosakan harta benda dikesan akibat daripada kebocoran air dari paip air yang dipasangkan kepada sistem pencegahan kebakaran di beberapa makmal/bengkel FKTM akibat daripada proses penyelenggaraan paip selepas proses penaiktarafan sistem.

Pada 6 March 2024, satu kemalangan telah berlaku di pintu masuk bangunan FKTM A yang melibatkan seorang pelajar FKTE semasa berjalan kaki ke bangunan biru. Kaki mangsa telah terjatuh sebelah dan tersepit dengan penutup longkang. Hasil siasatan JPKPKP FKTM mendapati bahawa saiz lubang sekitar 60 cm x 9.16 cm adalah kurang faktor ergonomik.

Pada 27 March 2024, terdapat kejadian kerosakan harta benda dikesan akibat daripada kebocoran air di FKTM A8 dan FKTM B5. Disebabkan kebocoran air berlaku di luar waktu bekerja, punca kebocoran tidak dapat dikesan. Laporan kerosakan telah dilaporkan.

AUDIT PEMANTAUAN KKP PTJ:

TARIKH : 1 - 27 March 2024

No.	SKOP AUDIT	TANDA
1	SISTEM PENGURUSAN KKP	X
2	KESELAMATAN BANGUNAN	X
3	PENGURUSAN BAHAN KIMIA	X
4	PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL	X
5	KESELAMATAN MEKANIKAL	X
6	KESELAMATAN SINARAN	-
7	KESELAMATAN BIOLOGI	-

RINGKASAN LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN KKP:

- Pemeriksaan pemeriksaan ini adalah untuk persediaan lawatan akreditasi yang akan berlangsung pada 23 dan 24 April 2024.

**PELAPORAN BULANAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

PROGRAM DAN KURSUS/ LATIHAN KOMPETENSI:

No.	PROGRAM	BUTIRAN
1	KURSUS	- TIADA -
2	LATIHAN	- TIADA -

PENILAIAN PENGURUSAN:


CADANGAN/ USUL/ ISU

Saiz lubang-lubang penutup longkang yang agak besar (60 cm x 9.16 cm) yang mana terdapat kekurangan faktor ergonomik kepada pejalan kaki. Permohonan untuk kajian semula terhadap penutup longkang dari Jabatan Pembangunan atas keperluan rekaan saiz lubang tersebut. Sekiranya tiada keperluan untuk saiz lubang yang sebesar ini, permohonan tindakan diambil samada untuk mengecilkan saiz lubang atau menukar-ganti penutup longkang dengan penutup yang mana saiz lubang yang ergonomik ke atas semua penutup longkang di kampus. Sekiranya terdapat keperluan saiz lubang penutup longkang yang besar ini, permohonan untuk rekaan kejuruteraan dapat dilakukan ke atas penutup-penutup longkang atau menyediakan laluan pejalan kaki yang selesa yang menghubungkan bangunan ungu dengan bangunan biru untuk mengalakkan pejalan kaki menggunakannya.

Permohonan untuk penambahan penutup longkang di tepi jalan mekatronik/pembuatan terutamanya sebelah bangunan ungu yang berdekatan dengan bulatan jalan mekatronik/pembuatan. Kebanyakan penutup longkang telah dialih samada sengaja atau tanpa sengaja mahupun telah hilang. Susunan penutup longkang yang mempunyai jarak juga mendatangkan hazard kepada pejalan kaki akibat daripada tiada laluan pejalan kaki antara kedua-dua bangunan ungu dan biru. Ketiadaan penutup longkang turut menjadi potensi hazard kepada pemandu kenderaan bersaiz besar seperti bas dan penunggang motorsikal ketika melalui bulatan tersebut.

Diperhatikan bahawa terdapat penutup longkang yang terbuka dan diletakkan di sebelah lokasi asalnya. Hal ini menyebabkan tiada penutup di tempat yang sepatutnya mempunyai penutup longkang. Penambahan SOP atau penambahbaikan dalam SOP untuk memastikan penutup longkang ditutup semula perlu dinyatakan dan dipastikan dalam tatacara pembersihan longkang atau kerja-kerja yang memerlukan alih penutup longkang.

Disediakan oleh:


.....
Ts. Dr. Tan Wee Choon
Pengurus UKKP-FKTM, UniMAP.

LAMPIRAN

